

Sistem maklumat bolehkan

UM 30 SEP 2003

PUTRAJAYA 29 Sept. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini melancarkan Sistem Maklumat Syarikat Kerajaan dan Badan Berkanun (GSIS) bagi membolehkan kerajaan memantau dan memastikan agensi terlibat mematuhi tadbir urus korporat dan telus dalam pengurusan serta operasi mereka.

Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan berkata, sistem pemantauan GSIS itu juga penting bagi mengenal pasti dengan pantas jika terdapat penyelewengan berlaku dalam kedua-dua entiti yang dihubungkan melalui rangkaian elektronik.

“Menguruskan syarikat melibatkan banyak keputusan (penting), perbelanjaan atau dana, kadangkala dana kerajaan.

“Kalau kita tak jaga, tak awasi, tak pantau maka akan

menyebabkan berlakunya penyelewengan,” katanya ketika berucap pada majlis pelancaran GSIS di Kementerian Kewangan di sini hari ini.

GSIS merupakan sistem maklumat korporat untuk kerajaan memantau prestasi syarikat-syarikat di bawah Kementerian Kewangan Diperbadankan dan badan-badan berkanun melalui analisis data kewangan dan bukan kewangan.

GSIS mengambil alih sistem Unit Penyelarasan Maklumat Pusat (CICU) yang ditamatkan kontrak pengurusan pada tahun 1999 berikutan kos yang tinggi, tidak efektif dan gagal menyediakan maklumat yang diperlukan.

Selepas Kabinet mengarahkan CICU diaktifkan kembali pada Oktober 2000, Kementerian Kewangan meng-

operasi agensi kerajaan dipantau

ambil inisiatif membangunkan semula sistem itu dan dinamakan GSIS dengan menambah maklumat bukan sahaja syarikat milik kerajaan tetapi badan berkanun dan tadbir urus korporat.

Dalam pada itu, Dr. Mahathir menyarankan agar format laporan untuk direkodkan daripada syarikat-syarikat kerajaan diselaraskan bagi melancarkan lagi pemantauan termasuk melalui GSIS ke atas agensi-agensi kerajaan.

“Ya membolehkan kita tahu di mana dan bila untuk mendapat maklumat berkaitan perbelanjaan sehingga ke akar umbi sama ada perkara baik sedang berlaku atau sebaliknya,” ujar beliau.

Dalam majlis yang berasingan selepas itu, Dr. Mahathir menyampaikan geran berjumlah RM1 juta ke-

pada 20 usahawan perintis di bawah ‘Cradle Investment Programme’ yang dikendalikan oleh Malaysia Venture Capital Management Bhd. (MAVCAP).

Geran tersebut adalah dana peringkat permulaan pertama negara bagi bakal usahawan yang mula meningkat dalam bidang tertentu terutamanya dalam perkembangan idea sektor maklumat, komunikasi dan teknologi sehingga dikomersialkan.

Terdahulu ketika berucap pada majlis itu, Perdana Menteri berkata, kerajaan berminat untuk membantu golongan yang memiliki idea yang berpotensi untuk dikembangkan dengan menyediakan wang peruntukan namun tetap bimbang jika wang itu hilang begitu sahaja.